

**Diskusi ICT**

Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

# Masalah curi data

**SEKIRANYA kandungan maklumat atau data yang berada di internet dicuri oleh seseorang, apakah tindakan yang boleh diambil?**

- **ABD. RAHIM, KL.**

Saya akan senaraikan beberapa tindakan boleh diambil sekiranya sesuatu data atau maklumat diambil dan digunakan oleh satu pihak di internet tanpa kebenaran tuan empunya maklumat atau data.

Sebelum itu, pastikan juga hak milik atau *copy right* bagi sesuatu data atau maklumat itu perlu ada bukti sebagai hak milik sama ada dipaparkan di laman web atau sebagainya.

**1** Berhubung terus dengan pengarang, pentadbir atau penyelenggara laman web yang memaparkan maklumat tersebut.

Biasanya, sesebuah laman mempunyai bahagian maklumat untuk dihubungi sama ada menerusi e-mel, telefon dan sebagainya.

Boleh juga dibuat menulis maklum balas di bahagian yang disediakan seperti ruangan komen atau maklum malas.

Sila nyatakan dengan spesifik bersama bukti berkaitan dengan maklumat atau data yang digunakan tanpa kebenaran tersebut. Kadang kala perkara ini berlaku secara tidak sengaja.

**2** Sekiranya masih tiada maklum balas, boleh melakukan carian di internet berkenaan maklumat yang berkaitan dengan laman web tersebut.

Lakukan carian WhoIs untuk mendapatkan maklumat alamat, nombor telefon dan e-mel pihak yang menghos laman web yang memaparkan kandungan maklumat tersebut.

Maklumkan kepada pihak yang menghos laman web itu untuk menarik balik paparan maklumat tersebut dalam satu jangka masa yang ditetapkan.

**3** Buat laporan kepada pihak laman web carian atau

laman web yang menyediakan perkhidmatan simpanan maklumat seperti Google, YouTube, Yahoo!, Bing dan sebagainya berkenaan dengan paparan maklumat tanpa kebenaran oleh laman web tersebut.

**4** Buat laporan kepada pihak berkuasa seperti pihak polis, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dan CyberSecurity Malaysia.